

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN
BIN HAJI MOHAMAD [LIPIS]**

NO. SOALAN : 71

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sumber yang digunakan pihak Kementerian untuk membiayai Skim Pinjaman Pelajaran Boleh Ubah untuk pengajian di peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda dalam semua bidang atau kursus pengajian yang ditawarkan oleh Kolej RISDA Sdn. Bhd (KRIS).

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Skim Pinjaman Pelajaran Boleh Ubah (SPPBU) untuk pengajian di peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda dalam semua bidang atau kursus pengajian yang ditawarkan oleh Kolej RISDA Sdn. Bhd. (KRIS) adalah dana daripada Tabung Pembangunan Sosio Ekonomi Pekebun Kecil (TPSEPK). TPSEPK adalah ditubuhkan dari sumber kewangan Kumpulan Wang RISDA (KWR).